

NAMA (1): _____	MATRIK/ NO. PEKERJA: _____
NAMA (2): _____	MATRIK/ NO. PEKERJA: _____
NAMA (3): _____	MATRIK/ NO. PEKERJA: _____
NAMA (4): _____	MATRIK/ NO. PEKERJA: _____
EMEL (KETUA): _____	
ALAMAT (KETUA): _____	
JABATAN/KOLEJ (KETUA): _____	
TELEFON BIMBIT (KETUA): _____	

Penilaian:

Para juri akan menilia persembahan yang dikirim berdasarkan kepada tiga faktor berikut:

- (i) Tahap **kreatif** persembahan;
- (ii) Tahap **kejelasan** persembahan (mudah difahami), dan
- (iii) Tahap **persuasif** persembahan.

Keputusan para juri adalah muktamad.

Tiga hadiah yang bakal dimenangi adalah seperti berikut::

Hadiah pertama: **RM1000** (tunai + produk IT)

Hadiah kedua: **RM750** (tunai + produk IT)

Hadiah ketiga: **RM500** (tunai + produk IT)

Pemenang akan dimaklumkan pada atau sekitar 30^{hb} Oktober, 2011.

Peraturan pertandingan:

Dengan menyertai pertandingan ini, peserta bersetuju memberi hak tidak eksklusif kepada UTLC iaitu hak-hak untuk menghasilkan semula, mengedar, mengguna, mengeksploit, memindah, menghasilkan kerja-kerja alihan, mempamer secara umum persembahannya termasuk objek multimedia dan maklumat lain yang dikirim dalam kaitan pertandingan ini, dengan kaedah serta bentuk media apapun yang diketahui sekarang atau masa akan datang. Setiap peserta dengan ini memindahkan hak terhadap bahan persembahan ini beserta bahan dan maklumat di dalamnya, dan dengan ini juga menjamin bahawa persembahan, bahan dan maklumat adalah asli serta peserta mempunyai hak untuk mengirim persembahan, bahan dan maklumat tersebut. Peserta menjamin bahawa setiap ahli lain yang terlibat dalam pertandingan ini boleh memberi dan telah memberi persetujuan untuk mengambil bahagian dan untuk eksploitasi hak terhadap persembahan yang dikirim mulai tarikh pengirimannya. Setiap peserta menjamin bahawa sebarang muzik atau audio yang dimasukkan dalam bahan persembahan adalah bebas untuk digunakan seterusnya, dan tiada sebarang pelepasan lanjut perlu diperolehi oleh UTLC atau mana-mana pihak ketiga untuk tujuan eksploitasi. Setiap peserta menjamin bahawa persembahan, bahan dan maklumat yang dikirim tidak mengandungi maklumat sulit, serta bahan tersebut tidak melanggar mana-mana hak pihak ketiga atau melanggar mana-mana peraturan dan undang-undang.